

KERTAS 1

7.1 Perpaduan dan Integrasi Nasional

- 1** Apakah dasar British dalam sistem pendidikan yang menjadi punca kepada masalah perpaduan di negara kita?
 A Sistem pendidikan Barat
 B Sistem pendidikan vernakular
 C Sikap pilih kasih terhadap golongan elit
 D Sekolah di kawasan kampung dipinggirkan
- 2** Antara berikut, kawasan yang manakah merupakan Zon Perindustrian Bebas?
 A Butterworth
 B Pasir Gudang
 C Kota Kinabalu
 D Kuala Terengganu
- 3** Antara berikut, yang manakah usaha memperkasakan perpaduan dan integrasi nasional dalam bidang sosial?
 A Menyelaraskan perkhidmatan awam
 B Mewartakan pembentukan Majlis Muhibah Negara
 C Menggalakkan pengamalan satu kebudayaan kebangsaan
 D Memberikan tumpuan kepada pembangunan masyarakat luar bandar

7.2 Dasar Pendidikan Kebangsaan

- 4** Maklumat berikut merujuk kepada cadangan yang terdapat dalam dasar pendidikan yang diperkenalkan di negara kita.
- Memperkenalkan kursus kemahiran
 - Mewujudkan sekolah kebangsaan yang menggabungkan semua kaum
- Maklumat tersebut merujuk kepada
 A Laporan Rahman Talib
 B Kajian Aminuddin Baki
 C Laporan Jawatankuasa Kabinet
 D Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- 5** Kajian Aminuddin Baki telah memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan. Apakah tujuan sistem persekolahan tersebut diperkenalkan?
 A Menampung murid yang gagal memasuki sekolah menengah akademik
 B Mengurangkan bilangan sekolah vernakular
 C Memendekkan tempoh pembelajaran
 D Menempatkan murid kelainan upaya

- 6** Laporan Jawatankuasa Kabinet diumumkan oleh Menteri Pelajaran pada tahun 1979. Apakah kandungan laporan jawatankuasa tersebut?
- A** Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di sekolah
B Memperkenalkan kursus kemahiran di sekolah
C Mewajibkan aktiviti sukan kepada semua murid di sekolah
D Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dijadikan sebagai mata pelajaran wajib dalam peperiksaan awam

7.3 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dan Bahasa Perpaduan

- 7** Maklumat berikut berkaitan dengan langkah memartabatkan bahasa kebangsaan.

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi yang digunakan sebagai alat untuk memupuk perpaduan kaum

Apakah langkah tersebut?

- A** Menggubal Akta Bahasa Kebangsaan
B Melancarkan slogan "Bahasa Jiwa Bangsa"
C Menambah bilangan guru terlatih bahasa Melayu
D Menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia

- 8** Mengapakah institusi berikut ditubuhkan?

- Dewan Bahasa dan Pustaka
- Universiti Kebangsaan Malaysia

- A** Meningkatkan kadar celik huruf
B Menggalakkan kemasukan pelajar asing
C Meningkatkan kemahiran pelbagai bahasa
D Memperkasakan kedudukan bahasa Melayu

- 9** Gambar berikut menunjukkan bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).



Apakah peranan DBP dalam mengembangkan bahasa dan sastera Melayu?

- I** Memperkenalkan Akta Bahasa Kebangsaan
II Melatih guru bahasa Melayu
III Menerbitkan buku dan majalah
IV Menganjurkan aktiviti sempena Bulan Bahasa Kebangsaan
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7.4 Dasar Kebudayaan Kebangsaan

- 10** Antara berikut, yang manakah merupakan prinsip utama dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan?

- I** Mengubah suai budaya asal rakyat mengikut budaya luar
II Menolak unsur kebudayaan lain
III Islam sebagai unsur penting
IV Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 11** Pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan melibatkan semua kementerian, agensi dan jabatan yang berkaitan dengannya.

Antara berikut, yang manakah merupakan agensi pelaksana yang terlibat?

- I** Istana Budaya
II Stesen penyiaran
III Pusat Latihan Kesukanan
IV Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 12** Apakah sumbangan tokoh-tokoh berikut?



Mathew Ngau Jau



Samuel Dass

- A** Tokoh budayawan
B Tokoh muzik tradisional
C Tokoh kesusasteraan negara
D Penggiat budaya dan kesusasteraan

13 Apakah matlamat kerajaan menganjurkan program Citrawarna Malaysia?

Buku
Teks
m/s
151

- A Mempromosikan filem tempatan
- B Meningkatkan kualiti seni tanah air
- C Mempromosikan seni muzik negara
- D Mempromosikan sektor pelancongan negara

7.5 Sukan sebagai Alat Perpaduan

14 Bagaimanakah dasar 1 Murid 1 Sukan dapat mewujudkan perpaduan?

Buku
Teks
m/s
152

- A Menggalakkan murid pelbagai kaum melibatkan diri dalam sukan
- B Menggalakkan murid menyertai satu aktiviti sukan mengikut kaum
- C Menggalakkan murid dari satu kaum sahaja mengambil bahagian dalam acara sukan
- D Melibatkan murid mengikut kaum dari pelbagai peringkat umur menyertai aktiviti sukan

15 Apakah kepentingan temasya Sukan Malaysia (SUKMA) yang diadakan secara dwitahunan kepada Malaysia?

Buku
Teks
m/s
153

- A Mengeratkan hubungan kaum
- B Memantapkan hubungan serantau
- C Memperkasakan semangat kenegerian
- D Menggalakkan integrasi antara negara

16 Apakah slogan yang dilaungkan ketika menyokong pasukan Malaysia yang bertanding di peringkat serantau dan antarabangsa untuk menunjukkan semangat patriotisme rakyat Malaysia?

Buku
Teks
m/s
155

- A Malaysia Boleh
- B Go Malaysia Go
- C Kita Pasti Menang
- D Malaysia Tanah Airku

7.6 Rukun Negara sebagai Tonggak Kesejahteraan Negara

17 Antara berikut, yang manakah matlamat Rukun Negara?

Buku
Teks
m/s
158

- I Masyarakat adil
- II Masyarakat progresif
- III Masyarakat berwibawa
- IV Masyarakat berilmu pengetahuan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18 Antara berikut, yang manakah prinsip Rukun Negara yang keempat?

Buku
Teks
m/s
159

- A Keluhuran perlembagaan
- B Kepercayaan kepada Tuhan
- C Kedaulatan Undang-undang
- D Kesetiaan kepada raja dan negara

19 Maklumat berikut menunjukkan prinsip kelima Rukun Negara.

Buku
Teks
m/s
159

Kesopanan dan Kesusilaan

Bagaimanakah prinsip tersebut dapat direalisasikan dalam kalangan rakyat Malaysia?

- A Memupuk nilai murni
- B Mematuhi undang-undang
- C Menghormati simbol kedaulatan negara
- D Menjadikan agama sebagai panduan hidup

20 Mengapakah Rukun Negara diisytiharkan secara rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong IV pada 31 Ogos 1970? **KBAT**

- A Melahirkan negara maju
- B Memperkukuh perpaduan kaum
- C Meningkatkan kemajuan ekonomi
- D Mewujudkan kaum mengikut identiti